

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI PERUBATAN
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

FAZAH AKHTAR BINTI HANAPIAH

KETUA UNIT KUALITI :

LENY SUZANA BINTI SUDDIN

PENYELARAS :

LENY SUZANA BINTI SUDDIN

PENULIS :

1. TENGKU ZAINAL FITRI BIN TENGKU MOHAMED FAUZI
2. SALINA BINTI ABDUL WAHAB
3. AINUL ANUAR BIN ADAM
4. NOOR AZHAR BIN MD SAAD
5. ANA SUHAH BINTI BAHARUDIN
6. NOR FATHIAH BINTI AHMAD RADZI
7. NOR AIN BINTI AWANG

8. WAN MOHAMAD AIZAT BIN WAN ZULKIPLI
9. SITI AMYLESZA BINTI RAZALI
10. AMEER AIZAD BIN RIDZUAN
11. NUR SAFFAWATI BINTI IBRAHIM
12. NOR ASIAH BINTI ABU
13. ALIAH BINTI NORDIN
14. NURUL HANIS NATASHA BINTI ZOLHAINAN
15. LENY SUZANA BINTI SUDDIN
16. SYED MUHAMAD NAQIB BIN SYED MOHD ABD GHANI
17. SYUMAIMAH BINTI MUHAMAD YUNUS
18. MUHAMMAD HUZAIMI BIN HARON
19. ELLENA SYAZLEEN BINTI MOHD KHALID

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Fakulti Perubatan diterajui oleh Dekan dan dibantu lima (5) orang Timbalan-timbalan Dekan yang menjaga portfolio Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Pasca Siswazah dan Latihan Ikhtisas, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Pengurusan fakulti telah merancang hala tuju berkenaan penyelidikan berpandukan perancangan strategik penyelidikan universiti. Perancangan akan diadakan semasa Mesyuarat Pengurusan Fakulti agar keputusan yang dibuat mendapat pandangan dari semua pengurusan fakulti.

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) telah diberi tanggung jawab untuk melaksanakan setiap perancangan yang telah dipersetujui oleh pengurusan fakulti. Hala tuju penyelidikan dan penulisan Fakulti Perubatan adalah berpandukan kepada inti pati keperluan dan halatuju universiti melalui Amanat Naib Canselor, Amanat Tahunan Rektor serta pekeliling-pekeliling universiti. Perancangan Penyelidikan dan Penerbitan dirangka selaras dengan Visi, Misi, Objektif dan Nilai Universiti.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan Fakulti Perubatan (FPR) telah merancang secara sistematik aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan Fakulti Perubatan mencapai Key Performance Indicator (KPI) penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Perancangan kepimpinan Fakulti Perubatan adalah selaras dengan perancangan universiti. Perancangan dibuat dengan mengambilkira keperluan-keperluan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11), Transformasi Sistem Pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (TSPPPM) 2015-2025, dan UNESCO Education Strategy 2014-2021. Perancangan utama Fakulti Perubatan dalam menjayakan keberhasilan penyelidikan dan penerbitan adalah dengan menyediakan struktur tadbirurus yang berkesan. Perancangan juga dibuat dalam mesasarkan pencapaian pendidikan berkualiti tinggi dengan memperkasakan penyelidikan melalui pendekatan Translational, Interdisipliner dan Multidisipliner (PTIM) (Amanat VC 2017).

Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi bertanggung jawab dalam pengurusan penyelidikan di Fakulti Perubatan. Timbalan Dekan Penyelidikan juga bertanggung jawab bagi unit-unit fasiliti penyelidikan di fakulti seperti LACU dan NEURON. Terdapat juga jabatan yang mempunyai fasiliti penyelidikan iaitu IMMB yang berfungsi sebagai sebuah jabatan dan diketuai oleh seorang pengarah.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_K01_KB02_20221_FPR - PENDEKATAN.pdf](#)
2. [F0040_K01_KB02_20222_FPR - PENDEKATAN 2.pdf](#)
3. [F0040_K01_KB02_20223_Carta organisasi fasiliti penyelidikan FPR.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategi yang dirancang, kepimpinan Fakulti Perubatan melaksanakan beberapa aktiviti yang dijadikan berfokuskan kepada petunjuk prestasi utama. Kepimpinan FPR komited dalam memastikan segala keperluan sumber mencukupi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

Pejabat Penyelidikan dan Inovasi dipimpin oleh Timbalan Dekan P&I merancang membudayakan penyelidikan dan penulisan dengan menyediakan anugerah Penyelidik Terbaik dan Penerbitan Terbaik berdasarkan beberapa kategori khas secara tahunan. Selain daripada itu, inisiatif galakan penyelidikan dan penerbitan juga dijalankan oleh Bahagian P&I dengan menguar-uarkan kejayaan dana penyelidikan yang diperolehi dan juga penerbitan-penerbitan di jurnal berimpak tinggi melalui email dan juga diumumkan semasa mesyuarat staf akademik (Mesyuarat Fakulti). Inisiatif ini boleh meningkatkan motivasi staf untuk terus mempergiatkan diri dalam penyelidikan dan penerbitan dan seterusnya menyumbang kepada keberhasilan bidang tersebut.

FPR merancang untuk melaksanakan penyelidikan berteraskan translational, interdisiplinari dan juga multidisiplinari. Sebahagian P&I dipertanggungjawabkan untuk membuat bengkel-bengkel penyelidikan yang memberi penekanan kepada penglibatan berbagai disiplin dalam sesuatu projek penyelidikan. Pendekatan ini akan membantu kepada kepelbagaian hasil penyelidikan yang berintegrasi dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dengan lebih meluas. Bengkel-bengkel ini juga berfungsi untuk mempertingkatkan kecemerlangan bakat penyelidik dan penulis melalui pendedahkan kepada kemahiran penyelidikan dan penulisan yang terkini. Program-program yang dijalankan tidak hanya melibatkan aliran kepakaran dalaman sahaja. Kepakaran dari luar dan peringkat antarabangsa juga dilaksanakan dengan menjemput pakar-pakar penyelidik dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan "skillset" terkini melalui program-program penganjuran persidangan peringkat antarabangsa serta pertandingan inovasi di FPR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_K01_KB03_20221_Template Laporan Projek Inisiatif Utama Strategik Tahun 2021_DD_THAR.pdf](#)
2. [F0040_K01_KB03_20222_FPR_PELUASAN 2.pdf](#)
3. [F0040_K01_KB03_20223_FPR_PELUASAN 3.pdf](#)
4. [F0040_K01_KB03_20224_FPR_PELUASAN 4.pdf](#)
5. [F0040_K01_KB03_20225_FPR_PELUASAN 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dibuat mengikut perancangan pemantauan yang diperjelaskan diatas.pemantauan juga di buat melalui sistem pelaporan oleh setiap ketua jabatan. Segala hasil penemuan di analisis, disemak semula dan dibincangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan FPR. Petikan dari mesyuarat yang memerlukan tindakan segera akan terus di hantar kepada bahagian atau unit untuk diambil tindakan dengan segera. Sistem penghantaran petikan ini di pertanggungjawabkan kepada setiasuaha mesyuarat dan hasil dari perlaksanaan sistem ini, semua tindakan akan mudah dikawal dan dipantau oleh pihak pengurusan FPR.

Sistem pelaporan yang sistematik juga digunapakai dimana penyelidik dikehendaki membuat laporan secara interim mengenai tahap capaian penyelidikan termasuklah penerbitan yang dibuat hasil daripada penyelidikan. Hasil pemantaun ini dijadikan sebagai ukuran pencapaian dan instrumen untuk memeriksa dan menilai tahap produktiviti bahagian atau unit serta bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan yang memungkinkan menjadi penghalang kepada keberhasilan penyelidikan dan perundingan.

Hasil dari aktiviti-aktiviti pemantauan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat dengan segera bagi mengelakkan permasalahan menjadi semakin teruk dan berpanjangan. Program-program mitigasi risiko dijalankan bagi mengelakkan risiko terhadap ketidakberhasilan penyelidikan dan penerbitan. Pemantauan pencapaian perancangan strategik dilakukan secara berterusan dan sistematik oleh Penyelaras Strategik (PSTU) dan Ketua Unit Kualiti.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_K01_KB04_KC01_20221_Faculty of Medicine Mini Sabatical.pdf](#)
2. [F0040_K01_KB04_KC01_20222_FPR - PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [F0040_K01_KB04_KC01_20223_FPR_PEMANTAUAN 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Objektif dan Aktiviti Utama Kepimpinan FPR dalam Pengurusan Risiko secara umumnya adalah seperti berikut:

- Melindungi aset dan sumber-sumber berharga
- Melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sesebuah organisasi
- Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko
- Memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga universiti
- Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis.
- Penggunaan sumber-sumber dan keupayaan operasi yang efisien dan bertanggungjawab menjaga imej dan etika UiTM sebagai sebuah jenama yang berjaya.

Pihak Kepimpinan FPR amat komited dalam usaha mencapai KPI yang telah ditetapkan serta terlibat secara langsung semasa proses penapisan peringkat cawangan. Ini boleh mengurangkan risiko dari segi kualiti hasil penyelidikan. Risiko melibatkan penyelidikan yang tidak diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan, pelanggaran etika penyelidikan serta penyalahgunaan dana penyelidikan. Di peringkat Bahagian P&I, terdapat Jawatankuasa Penyelidikan FPR yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan P&I . Pejabat Timbalan Dekan P&I akan bertindak sebagai Urusetia yang berfungsi untuk menangani isu-isu berkaitan etika penyelidikan dan perundingan di FPR. FPR juga telah mewujudkan Research Ethics Committee (REC) sebagaimana yang dikehendaki dalam Pelan Pengurusan Risiko UiTM yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi FPR.

Dalam pelan tersebut, FPR melihat pelanggaran etika penyelidikan dan perundingan sebagai satu cabaran yang besar dalam menyumbang kepada risiko reputasi FPR. Ianya pasti akan memberi impak negatif isu etika penyelidikan tidak dikawal. Pada masa yang sama penyelidikan pasti akan dipertikaikan kerana tiadanya rujukan kepakaran disediakan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_K01_KB04_KC02_20221_FPR - RISIKO.pdf](#)
2. [F0040_K01_KB04_KC02_20222_FPR - Slaid Pengurusan Risiko Minit Mesy KJ Bil4. 2021.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPR dari masa kesemasa membuat sesi perbincangan bahagian P&I bagi mengenalpasti tahap pencapaian serta menyemak semula aktiviti bahagian sepanjang tahun. Hasil daripada program ini digunakan bagi memperbaiki proses kerja agar lebih berkesan dan produktiviti dapat dipertingkatkan. Proses-proses kerja akan disemak semula bagi mengoptimalkan sumber dari segi sumber manusia, fasiliti, kewangan serta peluang-peluang pemerolehan dana yang terkini. Selain dari memfokuskan proses kerja, program ini juga digunakan sebagai platform untuk meningkatkan moral kakitangan dari segi mengoptimalkan keupayaan, mengenalpasti kepakaran dan bakat yang perlu dipertingkatkan serta semangat kerjasama berpasukan. FPR juga setiap tahun menyemak semula rancangan strategik bagi mengenalpasti kelemahan dan menilai pencapaiannya. Selain itu KPI akan disemak semula dan langkah-langkah intervensi dirancang semula bagi membolehkan pencapaian KPI boleh dipertingkatkan. Hasil dari proses semakan semula rancangan strategik akan diwar-warkan kepada semua yang terlibat diperingkat pelaksana. Input semak semula adalah dari laporan pencapaian KPI yang telah dikemaskini dan diverifikasi oleh ketua-ketua jabatan. Bagi bidang tumpuan, secara khususnya Timbalan Dekan P&I akan membuat perbentangan mengenai pencapaian KPI bahagian P&I dengan memberi justifikasi serta tindakan mitigasi yang akan dijalankan. Hasil kajian semula, langkah-langkah peningkatan kualiti iaitu menghasilkan inovasi yang membantu dalam mempertingkatkan prestasi FPR.

Hasil dari pemantauan yang dijalankan terhadap status aktiviti-aktiviti yang dijalankan digunakan oleh kepimpinan FPR dalam menyusun semula strategi dan membuat program-program penambahbaikan untuk memastikan objektif strategi tercapai, terutama sekali dalam mencapai keberhasilan penyelidikan dan penerbitan. Sebagai contoh bagi meningkatkan penerbitan, aktiviti-aktiviti latihan penulisan telah disemak semula dengan pengisian kaedah analisis dengan MS Excel.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_K01_KB04_KC03_20221_FPR - ACT.pdf](#)
2. [F0040_K01_KB04_KC03_20222_FPR - Petikan Mesyuarat MKSP 2021 Penyelidikan Strategik.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Timbalan Dekan P&I secara khususnya berperanan untuk menyebarluas setiap perancangan pengurusan FPR kepada seluruh warga akademik semasa mesyuarat ataupun sesi perjumpaan bersama staf secara berkala. Sebagai contoh, Koordinator Penyelidikan dan Penerbitan secara aktif menghebahkan serta mewarwarkan Peluang Dana Penyelidikan melalui e-mail dan sentiasa menyampaikan taklimat serta informasi terkini setiap semester semasa Mesyuarat atau sesi townhall bersama staf . Budaya penerbitan turut diwujudkan serta dipupuk dikalangan staf dengan menganjurkan kolokium setiap bulan. Pada masa yang sama, penghargaan diberi kepada penyelidik yang berjaya membuat penerbitan berindex tinggi.

Pendekatan yang diamalkan di FPR tidak terikat dengan kaedah tradisional sahaja. FPR membudayakan penyelidikan dan penerbitan secara menyeluruh di semua peringkat. Kepimpinan FPR telah mengamalkan sistem komunikasi yang telus. Dengan ini birokrasi yang membebankan para pensyarah dan koordinator penyelidikan dan penerbitan tidak berlaku. Sehubungan dengan itu, koordinator yang dilantik membantu Timbalan Dekan PJI sebagai pemudahcara dalam usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di FPR. Oleh yang demikian, program pembudayaan penyelidikan dan penerbitan telah dibuat dengan penglibatan pensyarah--pensyarah baru bersama pensyarah-pensyarah yang berpengalaman. FPR juga menyediakan dana khas bagi membantu pensyarah-pensyarah baru untuk mula berjinak-jinak dalam penyelidikan. Justeru, pensyarah-pensyarah berpengalaman menjadi mentor kepada pensyarah baru dalam mana-mana projek atau penyelidikan yang dijalankan. Dalam masa yang sama, pembudayaan penyelidikan dan penulisan diperluaskan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini dapat dibuktikan dengan jayanya melalui geran penyelidikan yang diterima. Selain daripada itu, penulis FPR telah menghasilkan penerbitan berimpak tinggi . Ini memperjelaskan pembudayaan penulisan staf FPR telah diperluaskan ke tahap antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_K01_KB05_20221_FPR - INTEGRATION.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM komited tinggi kearah mewujudkan platform penyelidikan bertaraf dunia untuk pretasi global dengan menyediakan portfolio yang memberi kesan dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Universiti menyasarkan pendekatan 2 tema strategik (ST) yang melibatkan Pembangunan Penyelidikan Translasi, Inovasi dan pengkomersialan (TRDIC) dan perkongsian pintar industry, Komuniti & Alumni (ICASP). TRDIC akan memanfaatkan kekuatan terus penyelidikan university untuk menubuhkan dua Tinggi baharu Pusat Kecemerlangan Institusi (HICoE) dan untuk mempromosikan potensi keluaran penyelesaian kreatif penyelidikan translasi dan masyarakat dan industri. ICASP akan menjadi jaringan perhubungan untuk MoU, MoA dan inisiatif kerjasama dengan 500 syarikat terbaik dan 200 universiti terbaik di dunia. Ini akan membawa impak kepada peningkatan pertumbuhan dana. Hasil penyepaduan TRDIC dan ICASP bukan sahaja akan memanfaatkan hubungan antara university dan industry tetapi dapat mewujudkan ekosistem holistik dalam mengubah perananan universiti dalam menyelesaikan isu komuniti seperti yang diketegahkan dalam matlamat pembangunan mampan (SDG).

Bagi mendokong hasrat Universiti, FPR telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik yang berlangsung di Bangi Resort Hotel pada 27 hingga 29 Februari 2020. Bengkel ini telah dihadiri oleh kepimpinan kanan, ketua-ketua jabatan, ketuaketua unit, koordinator akademik dan kakitangan sokongan bagi membincangkan hala tuju fakulti berdasarkan maklumat pencapaian pada tahun-tahun sebelumnya. Dua objektif utama yang dibincangkan dalam bengkel ini adalah untuk menyediakan hala tuju ke mana ahli individu boleh menyumbang ke arah mencapai matlamat universiti dan untuk mewujudkan ekosistem penyelidikan untuk mendorong fakulti ke arah matlamat. Strategi yang boleh mencapai objektif ini bermula dengan mencipta yang jelas dasar penerbitan dan diikuti dengan aktiviti yang berkaitan dan memberi impak.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mendorong aspirasi FPR komited dengan amanat dan harapan universiti bagi menjadikan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan berprestasi global. FPR mempunyai perubahan dari segi penetapan objektif dan sasaran strategic bagi tahun 2021 dan 2022 selaras dengan perubahan yang berlaku diperingkat universiti. FPR telah mengambil langkah dengan mengadakan Bengkel Perancangan Strategik yang berlangsung di Bangi Resort Hotel pada 27 sehingga 29 Februari 2020. Bengkel ini telah dihadiri oleh kepimpinan kanan, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua unit, coordinator akademik dan kakitangan sokongan bagi membincangkan hala tuju fakulti selari perancangan strategik universiti 2025. Strategi -strategi ini telah diterjemahkan sebagai projek inisiatif strategic utama yang membentuk pelan tindakan fakulti. Antara strategik ialah mewujudkan mini subatikal iaitu pensyarah-pensyarah diberi 2 minggu kelonggaran untuk menghasilkan manuskrip bagi diterbitkan. Setiap pensyarah perlu menghasilkan minimum 1 kertas penerbitan sama ada pengarang utama atau pengarang Bersama. Cadangan aktiviti bagi penerbitan ialah pertama mewujudkan dana penerbitan dan anugerah penerbitan. Selain itu mewujudkan ekosistem penyelidikan iaitu perundingan bengkel dengan kerjasama PH Med Jabatan. Bagi penyelidikan satu internal geran biaya pensyarah telah diwujudkan di FPR bagi mendorong lebih ramai pensyarah terlibat dengan penyelidikan.

Pelaksanaan Mini Publication Subbatikal di mana staf akademik diberi pengecualian 2 minggu dari tugas klinikal atau pengajaran mereka boleh tumpuan pada penulisan, penyelidikan dan penerbitan. Staf akademik yang telah mendapat kelulusan bagi menjalankan mini subbatikal dikehendaki membuat perjanjian rasmi untuk mengemukakan sekurang-kurangnya satu skrip kepada jurnal berindeks dan menghantar perkembangan penghantaran penerbitan ke jurnal yang berkaitan akan dipantau dari masa ke semasa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_P01_PB02_20221_FPR_Perancangan Strategik 2.2.pdf](#)
2. [F0040_P01_PB02_20222_FRP_Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTM berhasrat untuk mencapai penarafan 6 BINTANG SETARA dengan membentuk ahli akademik dan mengukuhkan pengalaman penyelidikan untuk menyediakan graduan yang boleh menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam Industri 4.0 untuk daya saing global dan menyampaikan tanggungjawab terasnya kepada pihak berkepentingan. Program akademik yang kompetitif yang menawarkan dinamik dan fleksibel persekitaran pembelajaran yang membolehkan pelajar mengemudi pengalaman pembelajaran mereka pada bila-bila masa dan di mana-mana merentasi disiplin melalui interaksi dengan rakan sebaya, pakar, pengamal industri, dan masyarakat. Memasukkan elemen Society 5.0 dalam ekosistem pendidikan UiTM akhirnya akan mengubah UiTM menjadi sebuah universiti untuk orang menjelang 2025. FPR telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang sistematik sepanjang tahun 2020 dengan fokus kepada BT. Hala tuju yang telah digariskan oleh FPR ke arah BT merangkumi tiga (3) elemen dalam ekosistem BT iaitu *Social Innovation University, Innovative Community dan Caring Generation*. Di bawah *Social innovation university* telah dilaksanakan beberapa program bertujuan untuk kesepaduan hubungan FRP dalam melestarikan komuniti melalui inovasi sosial. FPR telah mewujudkan Centre for Translational Research and Epidemiology (CentTRE) bagi pusat menawarkan perkhidmatan untuk aspek pentadbiran, pengawalseliaan dan klinikal pengendalian ujian klinikal. Ini akan membantu doktor kami memastikan ujian klinikal dilakukan mengikut piawaian terbaik penyelidikan klinikal, memaksimumkan peluang untuk pesakit memanfaatkan pendekatan rawatan yang paling moden dan inovatif. Pakar klinik juga akan berpeluang untuk melakukan hubungan dan rangkaian dengan profesional penjagaan kesihatan di seluruh dunia. 4 elemen yang fungsi CentTRE iaitu pengurusan penyelidik, penyelidikan (penyelidikan klinikal & Epidemiologi, kawalan kualiti dan latihan, perhubungan awam dan jaringan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_P01_PB03_20221_FPR_Perancangan Strategik 2.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FPR telah melantik beberapa orang pensyarah bagi mengetuai kumpulan penyelidikan bagi menambahkan bilangan geran dan penerbitan. Bahagian penyelidikan, inovasi dan ICAN akan mengumpul data dan maklumat mengenai penyelidikan dan geran. FPR juga secara aktif mengamalkan strategi kolaborasi dengan institusi luar melalui pelbagai Mou/MoA. Strategi ini juga telah menjadi sumber pendapatan, selain itu mewujudkan hubungan kerjasama yang erat dengan industri luar bagi menyumbang kepada pencapaian KPI universiti, tahap pelaksanaan, amanah dan integrasi dasar kerajaan Malaysia dan dunia. FPR telah mewujudkan *Institute For Medical Molecular Biotechnology (IMMB)* yang diketuai oleh pengarah IMMB iaitu Prof Madya Dr Heo Chong Chin yang sentiasa komited untuk menyediakan program latihan, penyelidikan dan perkhidmatan diagnostik yang terbaik dan berkualiti tinggi kepada semua penyelidik di Malaysia. Kemudahan yang terdapat di IMMB adalah bilik seminar, Makmal Kultur Sel, Makmal Pengimejan, Makmal Molekul dan Proteomik dan Makmal Mikrobiologi dan Parasitologi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_P01_PB04_PC01_20221_FRP_Perancangan Strategik 2.4.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Langkah pencegahan risiko telah diambil ke atas risiko yang telah dikenalpasti semasa membuat perancangan. Untuk mencegah risiko pertama iaitu kecaangan kewangan, sumber kewangan diagihkan mengikut keperluan berdasarkan pelan tindakan. Untuk mengatasi cabaran ini FPR mengamalkan strategi kolaborasi dengan industry dan institusi luar melalui MoU/MoA. Langkah ini bukan sahaja membantu mencapai KPI FPR, malah ia telah menjadi sumber pendapatan. Ini dapat meningkatkan reputasi FPR sebagai sebuah institusi yang progresif dan berinteraktif setanding dengan insituti antarabangsa. Risiko kedua adalah masalah pengurusan data yang sistematik. Pengurusan data adalah kritikal bagi tujuan mengenalpasti trend dalam membuat keputusan. Dengan pembangunan system IRMIS dan IRES, pengurusan data telah dipertingkatkan daripada urusan secara manual ke platform atas talian yang lebih mudah dan sistematik. Risiko ketiga adalah pemantauan pencapaian penyelidikan dan penerbitan. Dalam menangani risiko ini, mesyuarat dalaman PJI merupakan satu platform intervensi yang efektif. Sistem IRMIS dan IRES juga membantu dalam pemantauan pencapaian KPI, selain menjadi platform komunikasi bagi memantau pencapaian yang telah dilakukan. Risiko keempat adalah untuk merealisasikan hasil penyelidikan menjadi produk komersil.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_P01_PB04_PC02_20221_FPR_Perancangan Strategik 2.4.2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penambahbaikan berterusab perancangan strategic dilakukan melalui kajian semula.. Proses ini melibatkan penambahbaikan, perubahan, penambahan ataupun penguguran strategi atau pelan tindakan. Bengkel kajian semula perancanagn strategik telah diadakan setahun sekali untuk tujuan kajian semula. Dalam bengkel tersebut, proses penambahbaikan, perubahan penambahan ataupun penguguran strategi atau pelan tindakan dalam perancanagn strategic dan KPI penyelidikan dan penulisa, bagi tujuan perancangan yang relevan untuk tahun seterusnya. (Laporan Bengkel Rancangan Strategik 2020-2021.

Dana penerbitan fakulti membantu pembiayaan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi oleh staf dengan syarat bahawa mereka adalah *frist author* atau *corresponding author*. Inisiatif ini telah bermula sejak 2020 dan telah membantu meningkatkan penerbitan berindeks serta berimpak tinggi. Pelantikan Koordinator Penyelidikan (RC) di mna RC yang dilantik akan ditempatkan di antara jabatan secara pengiliran untuk membantu ahli jabatan mengenai aspek teknikal penyerahan manuskrip contoh pemformatan, proses penyerahan dalam talian, merangka surat dan lain-lain.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_P01_PB04_PC03_20221_FPR_Perancangan Strategik 2.4.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan amalan bagi memastikan objektif dan strategi fakulti dapat dijayakan bermula dengan memastikan warga FPR menghadiri taklimat Amanat Naib Canselor sebagai langkah memastikan semua warga mendapat maklumat yang jelas mengenai hala tuju universiti. Bagi yang tidak dapat mengikuti amanat ini secara langsung, mereka akan diberikan rakaman taklimat dan juga nota dari taklimat tersebut oleh pihak pengurusan. Di peringkat FPR pula, kesemua pelan strategik yang dirancang semasa bengkel disampaikan kepada ketua-ketua jabatan. Ketua jabatan pula akan menyampaikan maklumat tersebut kepada ahli-ahli jabatan. Semasa perbincangan bersama ahli jabatan, ketua jabatan akan turut merangka pelan strategik bagi setiap jabatan bagi mencapai sasaran pelan strategik fakulti. Sesetengah pelan strategik juga dimaklumkan semasa mesyuarat fakulti

Kolaborasi Bersama HUiTM bagi membangunkan Research Hub dengan tujuan menggabungkan tenaga penyelidik-penyelidik dari pelbagai bidang untuk kolaborasi penyelidikan. Ianya akan memberi impak megukuhkan penyelidikan untuk meningkatkan hasil penyelidikan berimpak tinggi .

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_P01_PB05_20221_FPR_Perancangan Strategik 2.5.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPR sentiasa komited dalam memastikan kepuasan para pelanggan dalam bidang tumpuan selaras dengan Misi dan Objektif Fakulti serta Amanat Naib Canselor 2021 . Pelanggan dalam bidang tumpuan merupakan Pensyarah, penyelidik, pembantu penyelidik serta industri. Kepuasan pelanggan dititikberatkan melalui perancangan sistematik yang mengambil kira pelbagai aspek keperluan pelanggan. Penyelidikan merupakan sebahagian daripada budaya kerja FPR dengan penyertaan aktif dari semua jabatan dalam fakulti. Sokongan diberikan dalam semua aspek penyelidikan dan inovasi dengan tanggungjawab untuk:

1. Membina dan menyokong penyelidikan sinergistik.
2. Memastikan pengendalian beretika penyelidikan dalam fakulti.
3. Menyokong warga fakulti dalam pengurusan penyelidikan dan pengoperasian penyelidikan.
4. Menyediakan ekosistem penyelidikan yang kondusif yang boleh memacu aktiviti penyelidikan.
5. Memupuk dan mewujudkan perkongsian penyelidikan dengan badan kebangsaan dan antarabangsa.
6. Memudahkan inovasi.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak fakulti bagi pemantapan bidang tumpuan dengan penyediaan prasarana dan fasiliti penyelidikan yang lengkap, mewujudkan dana-dana penyelidikan serta dana penerbitan diperingkat fakulti, lantikan jawatankuasa-jawatankuasa pemantau dan koordinator dikalangan pakar yang terdiri daripada warga fakulti serta melaksanakan aktiviti yang menggalakkan persiangan sihat diantara kumpulan sasaran atau pelanggan. Selain daripada itu, wujudnya pemantauan secara jarak jauh atau atas talian telah menggalakkan pengoperasian penyelidikan dapat dilakukan secara berterusan sewaktu pandemik Covid-19.

Sehubungan itu, FPR telah membuat perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengurusan risiko, kajian semula dan amalan serta pembudayaan terhadap kepuasan pelanggan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan tumpuan pelanggan bermula dengan pengenalanpastian profil dan keperluan pelanggan. Model Tumpuan Pelanggan seperti di dalam Rajah 3.2 digunakan oleh FPR untuk memperoleh maklumat daripada pelanggan secara khusus. Ia telah berjaya mewujudkan, menjalin dan mengekalkan hubungan baik antara FPR dengan para pelanggan dan seterusnya telah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian dan maklum balas pelanggan.

Segala perancangan terhadap tumpuan pelanggan telah dibuat dengan sistematik menggunakan Model PDCA : Plan, Do, Check and Act (*PDCA*) seperti Rajah 3.3. Model PDCA ini digunakan untuk perancangan sistematik terhadap pelanggan bermula dengan penetapan matlamat untuk kepuasan pelanggan. Seterusnya, pelaksanaan dibuat dengan berkesan demi kebaikan dan ganjaran untuk para pelanggan. Setelah itu, pemantauan berkala dan kerap dibuat terhadap maklum balas pelanggan bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan. Tindakan seterusnya adalah untuk mencegah dan menghapuskan risiko melalui penghasilan inovasi yang boleh diguna pakai di seluruh sistem UiTM dan seterusnya untuk pembudayaan yang diterapkan kepada seluruh pelanggan dalaman mahupun pelanggan luaran. Jadual 3.1 merupakan rumusan terhadap perancangan tumpuan pelanggan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_T01_TB02_20221_pdca.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB02_20222_Rajah 3.1.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB02_20223_Model Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
4. [F0040_T01_TB02_20224_Rajah klasifikasi pelanggan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi kumpulan sasaran, penglibatan penyelidik didaftarkan dalam sistem IRMIS yang sebahagian besarnya diuruskan oleh RMC, Shah Alam. Manakala penyelidik yang menerima tawaran penyelidikan secara terus daripada pihak institusi lain atau daripada pihak industri akan memaklumkan penglibatan mereka kepada unit Penyelidikan dan Inovasi Fakulti yang kemudiannya akan merekodkan penglibatan mereka ke dalam sistem IRMIS.

Selain daripada itu, penglibatan pelajar pasca siswazah dan pembantu penyelidik dalam bidang penyelidikan turut didaftarkan di dalam sistem IRMIS. Data pelanggan boleh diakses melalui sistem IRES UiTM, di mana maklumat penyelidikan disimpan secara atas talian. Maklumat dalam IRES boleh diakses oleh pihak TDP dan pihak sekretariat seperti jumlah geran, perbelanjaan geran, baki geran dan juga laporan kemajuan.

Maklumat penerbitan direkodkan di dalam sistem PRISMA diperingkat universiti dan rekod diperingkat fakulti juga dimasukkan secara manual ke dalam lembaran Excel di storan *cloud* Pejabat Penyelidikan dan Inovasi.

Bagi pelajar pascasiswazah, maklumat tentang pelajar yang mengikuti pengajian dengan mod penyelidikan juga penting dan direkodkan. Di IMMB, Makmal Neuroscience dan LACU maklumat penggunaan alatan makmal oleh pelajar penting bagi memastikan alatan dapat dikalibrasi selepas beberapa kali penggunaan. Pelajar pascasiswazah di IMMB, Makmal Neuroscience dan LACU juga diminta untuk melaporkan sebarang aktiviti seperti penyertaan pertandingan, penerbitan, menghadiri persidangan dan sebagainya kepada kakitangan IMMB Makmal Neuroscience dan LACU. Maklumat ini kemudiannya akan salurkan ke Pejabat Penyelidikan dan Inovasi untuk rekod. Manakala di IMMB, Newsletter akan dikeluarkan dan dikongsi bersama seluruh warga FPR bagi memberi dorongan kepada pelajar lain.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_T01_TB03_20221_3.3 bukti 1 rekod data pelanggan penyelidik.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB03_20222_3.3 bukti 2 rekod data pelanggan _pelajar pascasiswazah.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB03_20223_3.3 bukti 3 rekod data penerbitan.pdf](#)
4. [F0040_T01_TB03_20224_3.3 bukti 4 SOP keluar masuk pelajar pascasiswazah ke fasiliti penyelidikan.pdf](#)
5. [F0040_T01_TB03_20225_3.3 bukti 5 IMMB newsletter.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Laporan Projek Inisiatif Utama Strategik tahun 2021 telah dikeluarkan. Maklumbalas ini akan diteliti oleh Timbalan dekan Penyelidikan bersama Ketua-ketua Jabatan dan mereka akan mengambil tindakan susulan bagi menangani hasil laporan ini.

Bagi penyelidik, pemantauan dalam bidang tumpuan diukur dengan jumlah penerbitan dengan sitasi Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA. Bilangan penerbitan ini diumumkan di Mesyuarat Penguurusan Fakulti. Jabatan yang mempunyai bilangan penerbitan terbanyak diberi penghargaan oleh pihak Fakulti.

Selain daripada itu, bilangan perjanjian kerjasama antara penyelidik dan institusi luar, dan juga dengan pihak industri menunjukkan penglibatan warga fakulti dalam bidang tumpuan yang lebih meluas. Penerimaan jumlah geran diperingkat kebangsaan dan antarabangsa, dan kerjasama dengan industri, menandakan tahap penglibatan warga Fakulti dengan bidang tumpuan yang dipilih. Bilangan lantikan pembantu penyelidik dan pelajar pascasiswazah dengan mod penyelidikan menunjukkan berlakunya aktiviti dalam bidang tumpuan.

Bagi pemantauan penglibatan dengan komuniti adalah berdasarkan program yang diadakan dengan komuniti. Warga Fakulti turun padang mendekati masyarakat bagi menjayakan aktiviti khas dalam bidang tumpuan. Selain daripada manfaat kepada penyelidik, masyarakat juga menerima manfaat secara tidak langsung iaitu pemantauan kesihatan dan rujukan pakar kesihatan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_T01_TB04_TC01_20221_3.4.1 bukti 1 Laporan jumlah penerbitan.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB04_TC01_20222_3.4.1 bukti 2 Laporan jumlah geran.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB04_TC01_20223_3.4.1 bukti 3 lantikan pembantu penyelidik.pdf](#)
4. [F0040_T01_TB04_TC01_20224_3.4.1 bukti 4 penglibatan dengan komuniti.pdf](#)
5. [F0040_T01_TB04_TC01_20225_3.4.1 bukti 5 penglibatan dgn institusi luar.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada bidang tumpuan. Mesyuarat pengurusan risiko diadakan untuk mengenalpasti risiko yang ada. Kurangnya tawaran dana-dana penyelidikan sama ada dari peringkat kebangsaan, antarabangsa dan juga industri. Dengan itu pihak Fakulti membantu dengan menawarkan dana Penyelidikan Fakulti Perubatan bagi menggalakkan penglibatan warga Fakulti dalam bidang tumpuan.

Kurangnya dana penyelidikan seterusnya membawa kepada kurang penerbitan dikeluarkan. Fakulti Perubatan kini mempunyai dana yuran penerbitan ditawarkan kepada penyelidik yang berjaya menerbitkan penulisan dalam journal berindeks. Selain daripada itu,

Masalah turut dihadapi oleh pelajar pascasiswazah dalam mod penyelidikan serta pembantu penyelidik di mana aktiviti penyelidikan sama ada di klinik atau di lapangan adalah dihadkan. Penyelesaian kepada masalah adalah dengan kerjasama daripada pihak makmal atau klinik di mana kaedah penggiliran terpaksa dilaksanakan. Melalui cara ini setiap pelajar atau penyelidik memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan fasiliti secara sama-rata memandangkan tempoh penggunaan yang lebih terhad. Selain daripada itu, para penyelidik atau pelajar boleh mengemukakan masalah berkaitan infrastruktur melalui laman e-aduan UiTM atau memaklumkan kepada pegawai pertugas dimakmal berkenaan. Tindakan akan diambil berdasarkan aduan berkenaan.

Pengurusan penyelidikan turut terjejas ketika pandemik. Oleh yang demikian pihak Pejabat Penyelidikan dan Inovasi telah menjalankan pengurusan secara atas talian. Selain daripada pemprosesan dokumen dijalankan secara atas talian, mesyuarat dan konsultasi antara pakar dengan pelanggan turut diadakan secara atas talian seperti webinar dan bengkel berkaitan dengan bidang tumpuan.

Penglibatan dengan pihak komuniti turut terjejas. Oleh yang demikian, para penyelidik mengambil inisiatif memberi kesedaran kepada masyarakat dengan mengadakan webinar secara atas talian. Selepas setiap webinar dijalankan, para penonton di minta memberikan maklum balas. Cara ini dapat meningkatkan komunikasi penyelidik dengan masyarakat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_T01_TB04_TC02_20221_3.4.2 bukti 1 dana penerbitan fakulti.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB04_TC02_20222_3.4.2 bukti 2 Pengurusan Risiko Minit Mesy KJ Bil4. 2021.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB04_TC02_20223_3.4.2 bukti 3 review permohonan penyelidikan secara atas talian .pdf](#)
4. [F0040_T01_TB04_TC02_20224_3.4.2 bukti 4 pengurusan penyelidikan secara atas talian.pdf](#)
5. [F0040_T01_TB04_TC02_20225_3.4.2 bukti 5 mendekati masyarakat melalui webinar serta maklum balas.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula akan dijalankan sekali setahun untuk memastikan penambahbaikan sentiasa berterusan kepada pelanggan. Segala maklum balas daripada pelanggan akan diambil kira.

Maklum balas yang diterima sama ada secara peribadi ataupun secara rasmi akan dibawa dalam perbincangan dengan Pengurusan tertinggi Fakulti dan Ketua Jabatan. Hasil kajian semula ini dikongsi kepada warga Fakulti melalui e-mel dan mesyuarat pengurusan fakulti.

Antara tindakan penambahbaikan yang dilakukan adalah dengan menggalakkan keseluruhan warga fakulti berkomunikasi secara atas talian. Bagi membantu penyelidik menerima dana penyelidikan seterusnya membawa kepada penghasilan bahan penerbitan yang berkualiti, pelan perancangan telah dilakukan seperti di jadual 3.4.3. Bagi pelajar pascasiswazah dan pembantu penyelidik kebenaran melakukan penyelidikan di makmal atau lapangan perlu mengikut SOP yang ketat. Pihak industri dibenarkan melakukan pemantauan terhadap penyelidikan yang dijalankan di Fakulti Perubatan juga dengan SOP yang ketat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_T01_TB04_TC03_20221_3.4.3 bukti 1 cadangan pelan perancangan.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB04_TC03_20222_3.4.3 bukti 2 pelan perancangan fakulti.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB04_TC03_20223_3.4.3 bukti 3 SOP penggunaan fasiliti penyelidikan.pdf](#)
4. [F0040_T01_TB04_TC03_20224_3.4.3 bukti 4 Petikan Minit Meysuarat MKSP BIL12021_Pelanggan.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada kajian semula, beberapa inovasi tumpuan pelanggan telah dibangunkan. Antaranya termasuk e-aduan pelbagai bahagian dan maklumbalas atas talian melalui portal rasmi FPR. Hasil kajian semula, FPR telah menambahbaik saluran dan menambah medium komunikasi saluran yang baharu selari dengan trend perkembangan teknologi masakini. Pendekatan yang digunakan termasuklah penyampaian maklumat melalui Website Fakulti Perubatan UiTM, Facebook, Twitter dan Instagram Rasmi Fakulti Perubatan UiTM. Melalui cara ini maklum balas akan diperolehi dengan cara yang lebih cepat.

Secara kesimpulannya, untuk tumpuan pelanggan dalam BT ini, FPR telah memastikan kepuasan pelanggan berada ditahap yang cemerlang. Selain daripada itu, FPR juga telah memastikan bahawa model tumpuan pelanggan digunapakai bukan sahaja untuk bidang tumpuan ini, malah untuk semua aspek yang melibatkan para pelanggan secara amnya. Bagi FPR, kepuasan pelanggan merupakan aspek yang penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ini adalah kerana, baik buruk sesuatu perkhidmatan, ditentukan oleh para pelanggan. Oleh yang demikian, FPR sentiasa memastikan para pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diperolehi melalui perancangan strategik, pelaksanaan yang berkesan, pemantauan yang berterusan, pengurusan risiko dan kajian semulayang terperinci terhadap tumpuan pelanggan. Ini seterusnya menjadikan FPR sebuah institusi yang berkualiti tinggi dan disegani ramai.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_T01_TB05_20221_3.5 bukti 1 maklum balas portal rasmi.pdf](#)
2. [F0040_T01_TB05_20222_3.5 bukti 2 medium maklum balas FPR.pdf](#)
3. [F0040_T01_TB05_20223_3.5 bukti 3 saluran maklum balas.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan adalah merupakan bidang yang penting dan memberikan sumbangan kepada pencapaian-pencapaian fakulti. Salah satu kejayaan fakulti dalam bidang penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan dapat dilihat melalui kejayaan fakulti mencapai KPI yang berkaitan dengan penyelidikan & penerbitan. Untuk tahun 2021, fakulti telah berjaya mencapai sasaran yang memuaskan bagi KPI yang berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan. Bagi memastikan KPI ini dapat dicapai pada tahun yang seterusnya, beberapa pelan strategik telah dirangka bagi memastikan KPI ini akan tercapai.

Pengukuran dan analisis BT juga adalah merujuk kepada Pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA). Pencapaian MyRA di Fakulti Perubatan telah menunjukkan trend peningkatan bagi 3 tahun berturut-turut. MyRA adalah instrumen pemantauan yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menilai prestasi penyelidikan UA & IPTS. Data MyRA beserta bahan bukti perlu dimajukan kepada pihak RMC 4 kali setahun mengikut sukuan dan data MyRA diperolehi daripada pencapaian-pencapaian Pensyarah Fakulti Perubatan.

Pengumpulan data PI & MyRA akan diperolehi daripada pengumpulan data bulanan daripada setiap jabatan mengikut template laporan bulanan yang disediakan. Laporan-laporan fakulti yang perlu disediakan akan merujuk pengumpulan data ini. Bahagian Penyelidikan & Inovasi akan merekod data penerbitan oleh Pensyarah Fakulti Perubatan yang telah diterbitkan mengikut template laporan yang disediakan secara berkala bagi mengetahui melalui sistem PTAR bagi penyemakan data penerbitan daripada scopus, WoS, JCR. Selain daripada itu data penerbitan Pensyarah Fakulti Perubatan juga akan disemak melalui google scholar, MyCITE. Data-data geran penyelidikan para Pensyarah juga diperolehi daripada sistem *RMI Reporting System* (IRES). Sistem IRES ini juga digunapakai bagi pemantauan pengurusan kewangan geran penyelidikan

Pihak fakulti telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pencapaian dalam penyelidikan dan penerbitan. Antaranya adalah melaksanakan Mini Publication Sabbatical, menjalankan Biostatistics Consultancy Service (BCS), melantik Koordinator Penyelidikan (RC). Dana Penerbitan Fakulti juga diwujudkan untuk membantu pembiayaan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi. Pihak fakulti juga telah mewujudkan inisiatif pelaksanaan Faculty of Medicine Research Grant (FMRG) bagi meningkatkan bilangan penyelidikan di fakulti.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran dan analisis data memainkan peranan yang sangat penting di dalam memastikan perkhidmatan Bahagian Penyelidikan & Inovasi khususnya dan Fakulti Perubatan amnya sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Justeru fakulti telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan kepada sistem pengukuran dan analisis terhadap BT.

Bagi pengukuran kejayaan bidang tumpuan iaitu Penyelidikan, Penerbitan & Pengkomersilan terdapat beberapa strategi yang telah dilaksanakan di fakulti untuk memastikan peningkatan pencapaian dan mewujudkan ekosistem penyelidikan yang berkesan: Antaranya adalah beberapa pencapaian petunjuk prestasi - *Performance Index* (PI) fakulti telah dirujuk.

Pada 2021, fakulti mempunyai 53 PI bersasar yang merangkumi pelbagai bidang termasuk Penyelidikan & Penerbitan. Berikut merupakan pencapaian KPI yang berkisar kepada Penyelidikan & Penerbitan. Lampiran bukti menunjukkan bahawa fakulti telah berjaya mencapai 70% KPI yang berkisar kepada Penyelidikan & Penerbitan.

Pada tahun 2021, di peringkat fakulti, data pencapaian PI diekstrak secara sukuan tahunan. Data-data ini disimpan di Unit Kualiti di bawah seliaan Ketua Unit Kualiti. Di peringkat jabatan, data di kumpul secara bulanan dan rekod disimpan di jabatan masing-masing di bawah seliaan ketua jabatan. Pencapaian PI ini

Pengukuran dan analisis BT juga adalah merujuk kepada Pencapaian *Malaysia Research Assessment* (MyRA). MyRA adalah instrumen pemantauan yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menilai prestasi penyelidikan UA & IPTS, menjadi indikator pulangan pelaburan (ROI) dana penyelidikan yang telah disalurkan. Pencapaian yang dinilai adalah seperti berikut :

- Seksyen B: Kuantiti & Kualiti Penyelidik
- Seksyen C: Kuantiti & Kualiti Penyelidikan
- Seksyen D: Kuantiti & Kualiti Pasca-Siswazah
- Seksyen E: Inovasi
- Seksyen F: Khidmat Profesional & Hadiah
- Seksyen G: Hubungan & Jaringan
- Seksyen H: Fasiliti Sokongan

Research Management Centre (RMC) UiTM Shah Alam memerlukan setiap fakulti bagi mengemaskini database MyRA beserta bahan bukti 4 kali setahun mengikut sukuan. Database MyRA adalah penting utk skor UiTM dan skor Fakulti Perubatan yang mana setiap Pensyarah adalah penyumbang kepada skor MyRA bagi pihak UiTM dan Fakulti. Pihak pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi (PTNCPI) meletakkan sasaran untuk mencapai skor MyRA 6 Bintang menjelang tahun 2025

MyRA adalah instrumen yg mengukur input, output, outcome dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersilan & Inovasi yg mana mengambilkira output daripada semua staf akademik yg aktif. Pencapaian MyRA di Fakulti Perubatan telah menunjukkan trend peningkatan bagi 3 tahun berturut-turut.

Selain itu, bagi memastikan peningkatan jumlah penerbitan di Fakulti Perubatan, pihak fakulti telah melantik Koordinator Penyelidikan (RC) di mana RC yang dilantik akan ditempatkan di antara jabatan secara penggiliran untuk membantu ahli jabatan mengenai aspek teknikal penyerahan manuskrip antaranya adalah seperti pemformatan, proses penyerahan dalam talian, merangka surat iringan dan lain-lain. RC juga membantu penyerahan geran serta pengumpulan pangkalan data penyelidikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_A01_AB02_20221_Laporan Projek Inisiatif Utama Strategik Tahun 2021_DD_.pdf](#)
2. [F0040_A01_AB02_20222_PI 2021_.pdf](#)
3. [F0040_A01_AB02_20223_JD RESEARCH COORDINATOR \(SITI AMYLESZA\).pdf](#)
4. [F0040_A01_AB02_20224_PENCAPAIAN MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Laporan pencapaian petunjuk prestasi - *Performance Index (PI)* dan *Malaysia Research Assessment (MyRA)* disediakan secara sukuan bagi tahun yang dinilai. Pengumpulan data-data geran penyelidikan dan penerbitan menggunakan beberapa kaedah bagi memastikan data-data dikemaskini dari masa ke semasa.

Pengumpulan data PI & MyRA tersebut diperoleh daripada pengumpulan data bulanan daripada setiap jabatan mengikut template laporan bulanan yang disediakan. Email pemakluman akan dimajukan kepada wakil penyelidikan daripada setiap jabatan. Wakil penyelidikan akan membuat pengumpulan data beserta bahan bukti daripada ahli jabatan masing-masing. Data yang telah lengkap akan dimajukan kepada pegawai bertanggungjawab di Bahagian Penyelidikan & Inovasi untuk tujuan dimasukkan kedalam data jabatan mengikut kriteria yang diperlukan. Pengumpulan data ini akan dikemaskini melalui google drive email Bahagian Penyelidikan & Inovasi bagi perkongsian semua staf di Bahagian Penyelidikan & Inovasi. Data-data penyelidikan dan penerbitan akan dikemaskini dari masa ke semasa. Data-data yang dikumpulkan akan digunapakai untuk pelaporan untuk diwar-warkan dalam Mesyuarat Ketua Jabatan, Mesyuarat Fakulti.

Bagi data perbitan Pensyarah Fakulti Perubatan ianya akan direkodkan ke dalam sistem PRISMa. Setiap Pesyarah perlu mendaftarkan penerbitan kedalam sistem PRISMa sejurus diterbitkan bagi mengelakkan kelewatan proses validasi oleh pihak PTAR. Setelah dikemaskini data penerbitan tersebut akan divalidasikan oleh Koordinator PRISMa iaitu En.Adi Azri B.Mohamad (Pustakawan) dalam tempoh 14 hari bekerja selepas didaftarkan untuk pertama kali di dalam sistem penerbitan ini. Pensyarah akan menerima e-mel pemakluman rasmi bagi rekod penerbitan yang telah disemak oleh PTAR untuk tujuan rujukan dan tindakan selanjutnya. Bahagian Penyelidikan & Inovasi akan merekod data penerbitan oleh Pensyarah Fakulti Perubatan yang telah diterbitkan megikut template laporan yang disediakan secara berkala bagi mengetahui melalui sistem library bagi penyemakan data penerbitan daripada scopus, WoS, JCR. Selain daripada itu data penerbitan Pensyarah Fakulti Perubatan juga akan disemak melalui google scholar, MyCITE.

Bagi rekod data geran penyelidikan, data-data akan diperolehi daripada pemakluman daripada pihak *Research Management Centre (RMC)* dan pihak Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UiTM Cawangan Selangor bagi geran Dana UiTM Cawangan Selangor (DUCS) melalui surat kelulusan yang dikeluarkan kepada penerima-penerima geran. Data-data geran penyelidikan para Pensyarah juga diperolehi daripada sistem *RMI Reporting System (IRES)*. Sistem IRES ini juga digunapakai bagi pemantauan pengurusan kewangan geran penyelidikan. Tuntutan-tuntutan daripada geran Penyelidikan penyelidik utama akan dikemaskini dalam sistem ini IRES ini. Bagi Penyelidik-penyelidik pula mereka dapat menyemak data berkaitan geran penyelidikan melalui sistem Intergrated RMI Services (IRMIS) yang mana sistem ini akan berhubung dengan sistem IRES. Maklumat yang dikemaskini di dalam sistem IRES akan terlihat di dalam paparan sistem IRMIS juga.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_A01_AB03_20221_PRISMa_User_Manual.pdf](#)
2. [F0040_A01_AB03_20222_Template_Department_Monthly_Report_Version_1_2021.pdf](#)
3. [F0040_A01_AB03_20223_Sistem_IRES.pdf](#)
4. [F0040_A01_AB03_20224_Sistem_IRMIS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Berdasarkan pencapaian PI pada penghujung tahun 2021, pihak fakulti telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi meningkatkan peratusan PI dan ini telah menjadi teras bagi penghasilan pelan strategik pada 2020. Bagi PI yang telah mencapai sasaran, segala inisiatif yang telah dijalankan akan dikekalkan.

Pihak fakulti juga telah melaksanakan *Mini Publication Sabbatical* yang mana staf akademik diberi pengecualian 2 minggu dari tugas klinikal/pengajaran mereka bagi tumpuan kepada penulisan penyelidikan untuk penerbitan. Staf Akademik yang telah mendapat kelulusan bagi menjalankan Mini Publication Sabbatical dikehendaki membuat perjanjian rasmi untuk mengemukakan sekurang-kurangnya satu manuskrip kepada jurnal berindeks dan perkembangan penghantaran penerbitan ke jurnal yang berkaitan akan dipantau dari masa ke semasa. Ianya adalah bertujuan meningkatkan bilangan penerbitan di fakulti, khususnya penerbitan berimpak tinggi.

Pihak fakulti juga telah menjalankan *Biostatistics Consultancy Service* (BCS) di mana perundingan dengan pakar biostatistik dijalankan pada setiap bulan bagi tujuan membantu penyelidik dengan analisis statistik untuk penerbitan manuskrip. Selain daripada itu, BCS juga menyediakan pelbagai webinar dan bengkel statistik dan ini secara tidak langsung akan membantu penghasilan penerbitan di jurnal berindeks.

Dana Penerbitan Fakulti juga diwujudkan untuk membantu pembiayaan penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi oleh staf akademik fakulti dengan syarat bahawa mereka adalah first author atau corresponding author.

Inisiatif ini telah bermula sejak 2020 dan telah membantu meningkatkan penerbitan berindeks serta berimpak tinggi. Permohonan boleh dibuat secara permohonan pendahuluan bayaran yuran penerbitan atau secara bayar dan tuntutan semula.

Pihak fakulti juga telah mewujudkan *Faculty of Medicine Research Grant* yang. Inisiatif ini dimulakan pada tahun 2021 yang mana diwar-warkan kepada staf akademik berkaitan pembukaan geran ini pada penghujung tahun 2020. Pihak Fakulti akan memilih 10 Pesyarah yang menghantar proposal melalui penilaian yang dibuat oleh Penilai dalam dan luar UiTM. Cadangan penawaran geran ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) yang mana peruntukan bajet adalah sebanyak RM 200,000 setahun bagi 10 penerima geran ini setiap penerima akan menerima RM20, 000. Tempoh geran ini adalah selama dua tahun. Penilaian akan dibuat setiap 6 bulan melalui progress report yang dimohon kepada penerima-penerima geran. Pihak fakulti juga telah menubuhkan dana pembangunan prototaip iaitu RM 3000 bagi setiap penerima geran bertujuan pembangunan inovasi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_A01_AB04_AC01_20221_Mini Publication Sabbatical Form_V1.pdf](#)
2. [F0040_A01_AB04_AC01_20222_Pemakluman BCS.pdf](#)
3. [F0040_A01_AB04_AC01_20223_Penerima Dana Penerbitan Fakulti 2021.pdf](#)
4. [F0040_A01_AB04_AC01_20224_KERTAS KERJA DANA PENYELIDIKAN FAKULTI PERUBATAN \(DPFP\).pdf](#)
5. [F0040_A01_AB04_AC01_20225_Dana Pembangunan Prototaip.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi tahun 2021, Pensyarah-pesyarah kurang menjalankan tugas di makmal kerana kawalan pergerakan berikutan penularan COVID-19 yang mana jumlah kes yang agak tinggi untuk mendapatkan keputusan bagi data penerbitan dalam jurnal berindeks. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengurangan jumlah jurnal berindeks. Ekoran daripada itu, *Mini Publication Sabbatical* telah diwujudkan bagi membolehkan Pensyarah-pesyarah menghasilkan manuskrip kepada jurnal berindeks.

Fasiliti penyelidikan di fakulti telah banyak membantu dalam mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan hasil daripada penggunaan alat-alat penyelidikan ini adalah seperti berikut: menghasilkan 223 penerbitan berimpak tinggi, memperolehi geran-geran penyelidikan.

Walaupun bagaimanapun, peralatan yang sedia ada di fasiliti ini kebanyakannya telah usang dan kerap mengalami kerosakan apabila digunakan. Peralatan yang sedia ada di fasiliti penyelidikan ini juga adalah menggunakan teknologi yang lama yang mana tidak seiring dengan peralatan teknologi yang digunakan pada masa kini.

Pihak fakulti telah memohon bajet KY untuk mendapatkan peralatan penyelidikan baru pada tahun 2020, namun permohonan tersebut tidak dapat diluluskan pada waktu itu. Bagi memastikan penyelidikan dapat diteruskan di fasiliti-fasiliti penyelidikan ini, pihak fakulti hanya mampu menampung alat-alat yang amat diperlukan dengan harga berpatutan yang boleh ditampung oleh Tabung Amanah Fakulti. Pihak fakulti ingin mendapatkan sokongan pihak universiti untuk mempertimbangkan pembelian melalui universiti bagi pembelian peralatan lain yang mana Tabung Amanah tidak dapat menampung kos pembelian yang tinggi tetapi peralatan tersebut sangat diperlukan untuk kegunaan di fasiliti penyelidikan.

Bagi pencapaian *Malaysia Research Assessment* (MyRA) ianya disumbangkan oleh pesyarah-pesyarah di Fakulti Perubatan. Pensyarah yang tiada sumbangan mengikut kriteria yg ditetapkan akan dikategorikan sebagai denominator berpotensi bagi tahun yg dinilai dan ini akan memberikan kesan kepada pencapaian skor Fakulti. Bagi mengatasi risiko ini beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak Fakulti bagi mengurangkan senarai denominator berpotensi di Fakulti Perubatan. Antaranya adalah melaksanakan *Mini Publication Sabbatical* dan menjalankan *Biostatistics Consultancy Service* (BCS) di mana perundingan dengan pakar biostatistik dijalankan pada setiap bulan bagi tujuan membantu penyelidik dengan analisis statistik untuk penerbitan manuskrip. Pihak fakulti juga telah menawarkan *Faculty of Medicine Research Grant* yang hanya bertujuan lebih ramai pensyarah memperoleh geran penyelidikan yang mana dikategorikan sebagai penyelidik utama.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_A01_AB04_AC02_20221_Mini Publication Sabbatical Form_V1.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi data perbitan Pensyarah Fakulti Perubatan ianya akan direkodkan ke dalam sistem PRISMa. Namun pihak UiTM telah mengambil inisiatif bagi penambahbaikan pengumpulan data penerbitan dan penyelidikan dimana sistem baharu telah diwujudkan iaitu sistem PRIME. Sistem PRIME adalah gabungan daripada pengumpulan data penyelidikan Pensyarah seperti geran, penerbitan, harta intelek, star rating.

Bagi meningkatkan lebih ramai penyelidik utama, satu bengkel telah diadakan bagi membantu penyelidik ui memantapkan proposal penyelidikan disamping meningkatkan budaya penyelidikan di fakulti. Bagi pemohon I yang tidak berjaya mereka diminta untuk menyertai bengkel tersebut bertujuan menambahbaik proposal ya disediakan.

Pengumuman kepada penerima geran dan penerbitan atau sebarang penerimaan anugerah akan dibuat melalui email, laman web dan media social. Ianya bertujuan memberi penghargaan kepada semua Pensyarah yang telah berjaya memperoleh pencapaian –pencapaian di fakulti disamping meningkatkan daya saing dikalangan staf akademik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_A01_AB04_AC03_20221_Mini Publication Sabbatical Form_V1.pdf](#)
2. [F0040_A01_AB04_AC03_20222_Penerima FMRG.pdf](#)
3. [F0040_A01_AB04_AC03_20223_PRISMa_GUIDELINES_FOR_PUBLICATION_EVIDENCES_UPLOAD](#)
4. [F0040_A01_AB04_AC03_20224_Email Invitation to Research Proposal Optimisation Workshop 2021.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan atasan sentiasa menyampaikan maklumat berkaitan isu dan penambahbaikan sebarang urusan di fakulti secara berkala terutamanya semasa mesyuarat fakulti. Sebagai contoh, pencapaian PI fakulti telah dibentangkan kepada warga fakulti semasa mesyuarat fakulti. Setiap kali mesyuarat juga, ketua unit kualiti akan diberikan slot untuk membentangkan sebarang isu berkaitan sistem jaminan kualiti yang berkait rapat dengan tindakan penambahbaikan. Bagi perkongsian pencapaian PI ianya akan memberi maklumat kepada warga berkenaan PI yang berjaya dicapai. Bagi PI yang kurang mencapai sasaran, warga fakulti boleh digerakkan untuk bersama-sama berusaha bagi mencapai sasaran ini. Pencapaian PI juga dirancang untuk dibincangkan pada bengkel pelan strategik yang akan datang dan sebarang langkah bagi mencapai PI ini akan diterjemahkan kepada pelan strategik baru bagi tahun hadapannya. Seterusnya, inisiatif baru ini turut dikongsi bersama semua warga fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_A01_AB05_20221_Faculty Meeting 23 Jun 2021 \(Updated\).pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Elemen utama dalam memastikan organisasi mencapai kejayaan adalah tumpuan kepada Sumber Manusia (SM) di dalam organisasi. Oleh itu, UiTM Fakulti Perubatan (FPR) menitikberatkan suasana kerja yang kondusif dan penglibatan semua warganya dalam usaha menjayakan visi, misi, objektif strategi 3 iaitu mempertingkatkan kecemerlangan bakat komuniti penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan. Justeru itu, UiTM Fakulti Perubatan (FPR) sentiasa memastikan sumber manusianya berperanan dalam membina kebolehan dan tahap keupayaan penyempurnaan kerja serta penglibatan dalam semua urusan pelaksanaan fungsi UiTM.

UiTM Fakulti Perubatan kekal fokus dalam menjayakan aktiviti BT bagi menjayakan usaha berkaitan Penyelidikan, Penerbitan & Pengkomersilan. Tumpuan juga difokuskan dengan membina persekitaran kerja yang efektif dan mampu menyokong keperluan staf dalam meningkatkan pengetahuan, tahap kemahiran dan kompetensi bagi memantapkan keupayaan staf penyelidikan dalam menjayakan BT.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Fakulti Perubatan (FPR) telah menstrukturkan Bahagian PJI selaras dengan kelulusan tadbirurus UiTM: Multi-sistem, ini tidak menjadi halangan kepada para penyelidik UiTM Fakulti Perubatan (FPR) dalam menjayakan aktiviti bidang tumpuan (BT) iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan.

Perancangan sumber manusia UiTM Fakulti Perubatan (FPR) dibuat secara sistematik untuk memastikan pengoptimuman penggunaan kepakaran dan pengalaman sumber manusia untuk menkong dan menjayakan BT. Perancangan yang sistematik merangkumi perancang aktiviti pengurusan sumber manusia, Perancangan bagaimanakah melaksanakan aktiviti yang telah dirancang, pemantauan ke atas pelaksanaan, perancangan risiko sumber manusia dan juga perancangan untuk mengkaji strategi sumber manusia untuk penambahbaikan yang berterusan dalam BT. (Jadual 5.1)

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_S01_SB02_20221_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(1\).pdf](#)
2. [F0040_S01_SB02_20222_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(2\).pdf](#)
3. [F0040_S01_SB02_20223_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(3\).pdf](#)
4. [F0040_S01_SB02_20224_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(4\).pdf](#)
5. [F0040_S01_SB02_20225_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(5\).pdf](#)
6. [F0040_S01_SB02_20221_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(1\).pdf](#)
7. [F0040_S01_SB02_20222_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(2\).pdf](#)
8. [F0040_S01_SB02_20223_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(3\).pdf](#)
9. [F0040_S01_SB02_20224_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(4\).pdf](#)
10. [F0040_S01_SB02_20225_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.2 \(5\).pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pemeriksaan staf UiTM Fakulti Perubatan (FPR) menghadiri konferensi di pelbagai peringkat bagi memastikan mereka didedahkan dengan pengetahuan, ilmu dan teknologi yang terkini diamalkan atau dipraktikkan oleh masyarakat dunia. Staf UiTM Fakulti Perubatan (FPR) sentiasa diwar-warkan dengan konferensi yang berkaitan kepakaran mereka melalui emel dan website UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Penyelidik sentiasa dimaklumkan untuk menghadiri konferensi yang berimpak dengan tinggi bagi memastikan kualiti penyelidikan dan penulisan adalah sentiasa ditahap antarabangsa. Pemakluman mengenai penyertaan dalam konferensi ini dapat membolehkan mereka menjalinkan hubungan kepakaran bersama untuk membentuk kolaborasi yang menghasilkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan MoU/MoA dengan peserta konferensi

Selaras dengan itu, usaha penambahbaikan perkhidmatan sumber manusia UiTM Fakulti Perubatan (FPR), Panel Pengurusan Sumber Manusia ditubuhkan untuk meluluskan pemberian geran bagi tujuan pembentangan kertas kerja dan seterusnya meningkatkan jumlah penerbitan dan penyelidikan oleh pensyarah. Kertas kerja juga akan dinilai oleh Panel Penilaian Kertas Kerja yang ditubuhkan untuk memastikan kertas kerja dibenteng adalah berkualiti tinggi. Dan selain daripada itu, hanya kertas kerja yang dibenteng dalam konferensi berimpak tinggi akan dipertimbangkan.

Pensyarah yang berkelayakan PhD, Prof. Madya dan Profesor merupakan antara penyelidik yang didaftarkan dalam direktori kepakaran bagi meyakinkan pihak luar untuk bekerjasama dan berkolaborasi mengikut kepakaran pensyarah berkaitan. UiTM Fakulti Perubatan (FPR) mempunyai sejumlah 74 pensyarah yang mempunyai kelulusan di peringkat doktor falsafah dalam pelbagai bidang. Ini merupakan pensyarah UiTM Fakulti Perubatan (FPR) didedahkan kepada kajian merentas bidang sesama mereka. Seterusnya membuat minat agensi antarabangsa dan dalam negara untuk bekerjasama dengan UiTM Fakulti Perubatan (FPR).

Pengambilan staf perubatan diwar-warkan melalui Laman Web UiTM Fakulti Perubatan (FPR), platform social media dan juga akhbar tempatan. Langkah ini bertujuan untuk menarik perhatian mereka yang berkelayakan PhD dan juga Sarjana untuk memohon jawatan kekosongan bagi pensyarah di UiTM Fakulti Perubatan (FPR).

Selain penyertaan ke konferensi dari anjuran luar, pihak UiTM Fakulti Perubatan juga menganjurkan program seperti konferensi/bengkel dan seminar bagi mendedahkan staf perubatan kepada kemahiran penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan serta meluluskan peruntukan program berkenaan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_S01_SB03_20221_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.pdf](#)
2. [F0040_S01_SB03_20222_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3 \(2\).pdf](#)
3. [F0040_S01_SB03_20221_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3.pdf](#)
4. [F0040_S01_SB03_20222_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.3 \(2\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dalam sumber manusia dijalankan untuk memastikan perancangan dilaksanakan bagi mencapai sasaran KPI UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Usaha-usaha yang dilakukan oleh pengurusan UiTM Fakulti Perubatan untuk memastikan proses pembelajaran warga staf perubatan dipantau dan dikawal agar mencapai sasaran yang ditetapkan. Untuk memastikan pensyarah telah hadir ke konferensi yang telah diluluskan. Kehadiran pensyarah ke konferensi akan dipantau melalui rekod e-latihan. Kepastian maklumat dan pengetahuan yang diperolehi dan dipelajari dalam konferensi dan latihan yang dihadiri oleh pensyarah akan dikongsikan kepada warga UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Pemantauan ini juga dapat dilakukan melalui laporan menghadiri konferensi/latihan.

Data-data kepakaran UiTM Fakulti Perubatan (FPR) perlu dikemaskini dari masa ke semasa supaya semua data yang dipaparkan dalam sistem iRes, sistem iRMIs dan sistem PRISMa. Pemantauan ke atas maklumat iRes akan di semak sekiranya data diperlukan oleh pensyarah.

SENARAI BUKTI:

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Usaha yang berterusan yang UiTM Fakulti Perubatan (FPR) laksanakan terdedah juga pada risiko sumber manusia dalam menjayakan BT. Melalui jawatankuasa risiko UiTM Fakulti Perubatan (FPR), risiko sumber manusia mungkin dikenalpasti di peringkat perancangan pada awal tahun dan langkah-langkah pencegahan boleh dilaksanakan seperti jadual 5.5

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_S01_SB04_SC02_20221_FPR_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.pdf](#)
2. [F0040_S01_SB04_SC02_20222_FPR_Tumpuan Kepada Sumber Manusia 5.4.2.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pendedahan yang berterusan dan komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh para pensyarah UiTM Fakulti Perubatan (FPR) dalam menjayakan BT. Ini membolehkan proses semakan atau penambahbaikan yang dilaksanakan untuk membentuk inovasi dalam BT. Kajian semula dilakukan dalam tempoh sekali setahun. Ini bertujuan mengenalpasti keperluan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di dalam UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Terdiri daripada keperluan semasa yang memerlukan data bagi membuat keputusan. UiTM Fakulti Perubatan (FPR) menilai semula semua mekanisme pelaporan dan maklumat yang ada dalam sistem UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Kajian semula juga menggunakan data hasil Analisa sumber manusia dan hasil pemantauan.

Hasil kajian semula, inovasi sistem yang digunakan oleh penyelidik seperti sistem iRes dan sistem PRISMa. Sistem ini turut direkacipta untuk memudahkan proses pengurusan sumber manusia. Ini memberi impak positif kepada para penyelidik iaitu pegawai yang bertanggungjawab tidak perlu menyediakan laporan tertentu secara manual yang mengambil masa Panjang. Sesiapa saja yang memerlukan data-data ini, sistem boleh menjana laporan tanpa kekangan masa dan tempat. Penambahbaikan ini dapat menjimatkan masa pengurusan UiTM Fakulti Perubatan (FPR). Selain itu, penggunaan maklumat seperti ini juga menjimatkan penggunaan kertas dan sumber manusia, di mana tiada keperluan untuk staf membawa dokumen yang banyak semasa mesyuarat dan mereka boleh melaksanakan tugas lain di pejabat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_S01_SB04_SC03_20221_Petikan Minit Meysuarat MKSP BIL12021_sumber manusia.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Sumber Manusia adalah suatu yang kritikal bagi UiTM Fakulti Perubatan (FPR) berdasarkan fakulti yang dikategorikan dalam fakulti perubatan. Maka keperluan sumber manusia terutama staf pentadbiran perlu dinilai secara komprehensif bagi menjayakan BT. Pengurusan UiTM Fakulti Perubatan (FPR) bertindakbalas kepada keperluan berkenaan dengan menyediakan insentif seperti pelepasan waktu bekerja, penyediaan kenderaan bagi penyelidik, memberi geran perjalanan serta kelayakan tuntutan perjalanan dan penginapan bagi penyelidik dalam menjayakan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan mereka.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan bidang tumpuan iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan (PPP) berjalan dengan lancar, operasi yang perlu diberi perhatian ialah operasi di pihak pensyarah dan juga di pihak penyelidik. Bahagian Penyelidikan & Inovasi perlu diberi penekanan terutama dalam pencapaian geran, penulisan dan penerbitan.

Kesemua proses di fakulti sedikit sebanyak berlandaskan kepada proses PDCA. Sebelum mana-mana program dijalankan, perancangan yang teliti perlu dilakukan. Selepas program dijalankan, maklum balas perlu diambil dan tindakan penambahbaikan perlu menyusul. Di bahagian Penyelidikan & Inovasi, PDCA boleh dilihat dalam proses operasi *Faculty of Medicine Research Grant (FMRG)*, *Mini Publication Sabbatical (MPS)* dan juga *Biostatistics Consultancy Services (BCS)*.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada tahun 2021, beberapa aktiviti telah dirancang untuk menggerakkan Denominator Berpotensi (DP). Perancangan yang telah dibuat tertumpu kepada empat (4) bidang utama yang memberi impak besar kepada fakulti iaitu geran penyelidikan, penerbitan, inovasi dan kesedaran MyRA seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 6.1**.

Untuk melaksanakan perancangan seperti di dalam **Jadual 6.1**, beberapa strategi telah dirancang dan dilaksanakan seperti dihuraikan dalam **Jadual 6.2**.

Antara proses pendekatan yang telah dijalankan oleh bahagian PI untuk membantu pensyarah serta penyelidik ialah *Faculty of Medicine Research Grant* (FMRG). Inisiatif ini dimulakan pada tahun 2021 yang mana diwar-warkan kepada staf akademik berkaitan pembukaan geran ini pada penghujung tahun 2020. Pihak Fakulti akan memilih 10 Pesyarah yg menghantar proposal melalui penilaian yang dibuat oleh Penilai dan luar UiTM. Cadangan penawaran geran ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) dimana peruntukan bajet adalah sebanyak RM 200,000 setahun bagi 10 penerima geran ini dan setiap penerima akan menerima RM20, 000. Tempoh geran ini adalah selama dua tahun. Penilaian akan dibuat setiap 6 bulan melalui laporan kemajuan geran projek penyelidikan yang dimohon kepada penerima-penerima geran.

Geran penyelidikan FMRG ini diwujudkan untuk meningkatkan budaya penyelidikan di Fakulti bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, dan penyuburan budaya penyelidikan yang dinamik selaras dengan aspirasi Fakulti dan universiti. Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan staf akademik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional, industri dan antarabangsa.

Proses operasi lain ialah *Mini Publication Sabbatical* (MPS). Terdapat banyak permintaan di kalangan pensyarah untuk menggunakan masa mereka bagi menjalankan urusan akademik lain seperti penerbitan. Walau bagaimanapun, ia juga ditekankan bahawa satu hari dalam seminggu mungkin tidak berkesan dalam mengekalkan kesinambungan kemajuan kerja untuk penulisan manuskrip. Oleh itu, untuk mengatasinya, adalah dicadangkan supaya "*Mini Publication Sabbatical* (MPS)" disediakan bagi membolehkan masa yang lebih khusus untuk menyiapkan aspek penulisan manuskrip. Inisiatif ini diharapkan dapat menyediakan pendekatan yang lebih cekap untuk menghasilkan output penyelidikan untuk fakulti daripada ahli fakulti. Objektif inisiatif ini adalah untuk menggalakkan ahli fakulti melaksanakan penulisan dan penyerahan manuskrip dengan berkesan dan lancar bagi memastikan hasil penyelidikan disampaikan tepat pada masanya sebagai sumbangan kepada fakulti serta pembangunan kerjaya mereka dan mengurangkan Denominator Potensi (DP).

Biostatistics Consultation Services (BCS) adalah merupakan inisiatif kerjasama antara Bahagian PI dan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam. BCS ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan perangkaan kepada ahli fakulti, pelajar pascasiswazah dan sarjana muda dengan cara untuk menyokong aktiviti penyelidikan dalam fakulti. BCS menawarkan nasihat dan bimbingan tentang biostatistik bagi tujuan penyediaan cadangan penyelidikan, analisis data projek penyelidikan untuk tujuan penerbitan, serta meningkatkan pendidikan berterusan melalui program latihan untuk ahli fakulti. Perkhidmatan perundingan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran penyelidikan yang kondusif dalam fakulti.

Menerusi inisiatif BCS, ia dapat menyediakan pakar biostatistik untuk memberi nasihat statistik bagi meningkatkan kualiti kertas kerja penyelidikan dan manuskrip. Tambahan pula, BCS juga memberi penerangan berkenaan statistik melalui webinar bersiri dan bengkel latihan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_O01_OB02_20221_JADUAL 6.1 DAN 6.2.pdf](#)

2. [F0040_O01_OB02_20222_Tempat Pelehan Perancangan menggerakkan Denominator Berpotensi 2021 \(FoM\) \(Latest\).pdf](#)
3. [F0040_O01_OB02_20223_Faculty of Medicine Mini Sabatical.pdf](#)
4. [F0040_O01_OB02_20224_GARIS PANDUAN FMRG.pdf](#)
5. [F0040_O01_OB02_20225_BCS.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kebanyakan proses di fakulti yang berkaitan dengan PPP melibatkan proses *Plan, Do, Check, Action* (PDCA). Sebagai contoh proses operasi FMRG.

Plan: Permohonan geran FMRG perlu menggunakan borang permohonan terkini. Cadangan penyelidikan hendaklah dihantar ke Sekretariat Penyelidikan, Fakulti Perubatan.

Do: Permohonan geran FMRG akan dinilai oleh panel penilai pusat bertanggung jawab (PTJ) yang diketuai oleh Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Inovasi PTJ tersebut. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat Penyelidikan dan Inovasi (P&I) fakulti. Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapi sebelum memulakan penyelidikan dan mereka juga wajib menghadiri taklimat penggunaan dan perbelanjaan geran FMRG sebelum memulakan penyelidikan.

Check: Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Geran Dalam Fakulti Perubatan bawah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Perubatan. Antara pemantauan geran penyelidikan adalah melihat kepada kriteria prestasi kewangan mestilah melebihi 60% bagi penggal pertama dan melebihi 90% keseluruhan projek penyelidikan sebelum tamat projek, mencapai penerbitan jurnal berindeks SCOPUS dan/ atau WoS dan penghasilan harta intelek.

Action: Borang tamat projek perlulah dihantar oleh setiap ketua projek kepada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Perubatan setelah tamat tempoh projek. Surat pengesahan penerimaan borang tamat projek dan/atau surat pengesahan penerimaan laporan akhir projek penyelidikan akan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemantauan Dana Penyelidikan Fakulti Perubatan setelah menerima borang tamat projek yang lengkap daripada ketua projek. Laporan akhir projek perlulah dikemukakan dalam tempoh tidak melebihi **TIGA (3) bulan** setelah tamat tempoh projek penyelidikan dalam format PDF sebanyak **SATU (1) salinan**. Perbelanjaan selepas tamat projek adalah tidak dibenarkan.

Bagi MPS, berikut merupakan proses PDCA yang terlibat.

Plan: Pensyarah boleh membuat permohonan MPS dengan mengisi borang yang telah disediakan. Ketua Jabatan hendaklah menyemak dan mengesahkan permohonan di jabatan bagi memastikan pengajaran dan perkhidmatan tidak terjejas.

Do: Jawatankuasa Pemantauan PhD dan Sabatikal Fakulti akan menyemak dan mengesahkan permohonan tersebut. Selain daripada itu, permohonan MPS juga perlulah mendapat kelulusan daripada PPSM. Setelah mendapat kelulusan, pensyarah perlu menandatangani perjanjian MPS.

Check: Membuat semua pengaturan yang sewajarnya untuk memastikan Sabatikal Penerbitan Mini tidak mengganggu pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan klinikal. Sebagai contoh, melantik kakitangan akademik pengganti untuk menampung sebarang perkhidmatan pengajaran dan klinikal yang mungkin terjejas semasa MPS. Pensyarah perlu log masuk ke e-clock setiap hari sepanjang tempoh MPS sekurang-kurangnya sekali sehari.

Action: Menyemak dan mengesahkan di akhir setiap slot MPS oleh Ketua Jabatan berdasarkan sasaran yang ditetapkan. Semakan dan pengesahan oleh Jawatankuasa Pemantauan dan PPSM. Sabatikal mini ini tidak akan menjejaskan permohonan sabatikal akan datang namun jika sasaran tidak dicapai tanpa justifikasi yang mencukupi, hari yang diambil untuk sabatikal mini akan ditolak daripada cuti tahunan.

Untuk proses PDCA bagi BCS adalah seperti berikut.

Plan: Pihak yang terlibat dengan BCS perniagaan bersetuju dengan dasar-dasar yang telah dinyatakan.

Do: Pihak berkenaan perlulah mengisi serta memilih tarikh temu janji terlebih dahulu dengan mengisi borang di *Google Form*.

Check: Pengasahan tarikh yang telah dipilih akan di hantar menerusi email serta pautan Google Meet akan diberikan.

Action: Pihak AJK BCS akan memberi pilihan masa kepada peserta-peserta untuk di isi dengan menunggu giliran masing-masing. Tempoh selama 30 minit akan diberikan kepada setiap peserta.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_O01_OB03_20221_FMRG Application Form.pdf](#)
2. [F0040_O01_OB03_20222_FMRG Evaluators.pdf](#)
3. [F0040_O01_OB03_20223_Mini Publication Sabbatical Application Form \(V2\).pdf](#)
4. [F0040_O01_OB03_20224_Brochure Biostatistics Consultancy Service.pdf](#)
5. [F0040_O01_OB03_20225_BCS Google Form.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Secara amnya, proses akademik adalah dipantau oleh agensi MQA supaya ianya mematuhi piawaian program yang ditetapkan. Pihak fakulti menerima lawatan secara berjadual dari pihak MQA bagi pemantauan luar. Manakala bagi pemantauan dalaman, pemantauan program akademik dan proses pengurusan dikendalikan unit kualiti dengan menjalankan audit dalaman. Kedua-dua laporan hasil dari audit ini dibincangkan dalam MPF untuk mendapatkan maklum balas pengurusan atasan. Bagi pemantauan secara selain lawatan audit, setiap operasi utama dipantau di peringkat jabatan yang terlibat seperti yang dinyatakan di bawah.

Hasil proses PDCA ini boleh dilihat dari hasil akhir inisiatif tersebut. Bagi proses PDCA yang diuraikan sebagai contoh di bahagian sebelum ini iaitu FMRG, hasil PDCA ini melibatkan hasil penyelidikan atau penunjuk prestasi kepada projek penyelidikan adalah tertakluk kepada garis panduan geran penyelidikan bagi setiap pembiaya. Secara umum ianya merujuk kepada pencapaian KPI dalam aspek seperti penyelidik mesti menerbitkan satu (1) jurnal berindeks SCOPUS/WoS dan hasil harta Intelek seperti hakcipta atau paten. Penyelidik juga hendaklah memastikan afiliasi adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh UiTM. Penghargaan kepada geran FMRG mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan selain dari penghargaan kepada UiTM.

Bagi contoh PDCA kedua iaitu operasi MPS, hasil yang dapat dilihat ialah peningkatan jumlah penerbitan di kalangan pensyarah. Setiap pensyarah yang memohon MPS perlu memberi laporan akhir kepada bahagian PI. Bahagian PI juga akan membuat semakan secara berkala dengan pensyarah iaitu semakan pertama selepas 2 minggu MPS, semakan kedua ialah 3 bulan dan semakan ketiga ialah 6 bulan selepas MPS.

Sistem hasil Fakulti Perubatan seperti *Research Management Institute Reporting System (iReS)*, *Integrated Research Management Institute Service (iRMIs)* dan *Publication Repository Information System Management (PRISMa)* juga dipakai guna untuk pemantauan proses.

SENARAI BUKTI:

1. [F0040_O01_OB04_OC01_20221_MPS Masterlist.pdf](#)
2. [F0040_O01_OB04_OC01_20222_FMRG grant.pdf](#)
3. [F0040_O01_OB04_OC01_20223_iRMIs.pdf](#)
4. [F0040_O01_OB04_OC01_20224_iReS.pdf](#)
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap proses PDCA pasti mempunyai risiko mereka yang tersendiri. Contoh PDCA bagi FMRG ialah kegagalan memenuhi perkara yang telah ditetapkan boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta. Pihak Jawatankuasa Pemantauan Geran Dalam Fakulti Perubatan berhak membatalkan kelulusan geran dan menamatkan projek sekiranya peruntukan tidak digunakan setelah **ENAM (6) bulan** daripada tarikh kelulusan dikeluarkan atau prestasi projek tidak memuaskan. Ketua projek hendaklah menghantar laporan kemajuan sepanjang tempoh projek yang berstatus aktif. Laporan kemajuan perlulah dihantar pada setiap **ENAM (6) bulan** melalui borang *Research Progress Report* yang boleh didapati di Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Perubatan. Pelanjutan tempoh projek penyelidikan hanya dibenarkan selama **ENAM (6) bulan** sahaja. Pemantauan projek adalah tertakluk kepada garis panduan pemantauan penyelidikan universiti.

Bagi contoh PDCA yang kedua iaitu MPS, risiko seperti sekiranya sasaran tidak dicapai tanpa justifikasi yang mencukupi, hari yang diambil untuk sabatikal mini akan ditolak daripada cuti tahunan. Namun, pemohon boleh membuat permohonan penambahan hari MPS untuk menerbitkan manuskrip jika terdapat kekangan yang tidak dapat dielak semasa MPS.

Seperti yang dinyatakan, risiko-risiko dikenal pasti dan dicegah secara menyeluruh dengan memastikan setiap jabatan di fakulti mendaftarkan risiko secara am yang melibatkan operasi akademik dan pelan pencegahan ke dalam daftar risiko yang diselaraskan oleh Penyelaras Risiko fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_O01_OB04_OC02_20221_Borang Cuti Rehat FPR UiTM \(1\) \(1\).pdf](#)
2. [F0040_O01_OB04_OC02_20222_MPS - email postpone.pdf](#)
3. [F0040_O01_OB04_OC02_20223_6.4.2 - Slaid Pengurusan Risiko Minit Mesy KJ Bil4. 2021.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula dikendalikan pada penghubung tahun untuk melihat semula apa yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Instrumen, hasil data analisis dan pemantauan akan dikaji semula. Aktiviti-aktiviti yang mendatangkan hasil yang positif dikekalkan dan pengendalian yang lebih inovatif dibincangkan dalam bengkel kajian semula.

Kajian semula juga mempertimbangkan penghasilan inovasi. Antaranya ialah mengwar-warkan program MPS kepada pensyarah di fakulti melalui emel serta laman web. Hal ini dapat membantu lebih ramai pemohon di kalangan pensyarah untuk menerbitkan manuskrip mereka dan mencapai KPI setiap individu. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan jumlah hasil penerbitan fakulti dan mendorong lebih ramai pensyarah untuk menghasilkan manuskrip.

Selain daripada itu, kepada penyelidik yang tidak berjaya untuk mendapatkan projek di bawah FMRG, pihak Bahagian PI akan berusaha membantu mereka dalam menambah baik kertas cadangan projek supaya mereka boleh memohon untuk geran lain yang dikeluarkan oleh pihak RMC. Pengiklanan geran-geran boleh didapati di laman web iaitu rmc.uitm.edu.my.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_O01_OB04_OC03_20221_Website RMC.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan bagi pengurusan operasi fakulti sentiasa dilakukan menggunakan kaedah PDCA. Segala proses bagi PPP sentiasa mengikut proses yang sepatutnya dan ini telah menjadi suatu budaya di fakulti. Inovasi yang dapat dilihat berdasarkan pemantauan dan analisa maklum balas pensyarah bagi melicinkan proses berkaitan PPP adalah seperti kewujudan MPS yang memberi ruang masa kepada warga fakulti untuk menulis manuskrip. Hal tersebut dapat meningkatkan hasil penerbitan berindeks dimana ianya adalah untuk mencapai sasaran penerbitan fakulti. Di samping itu, dengan bantuan daripada *Research Coordinator (RC)* juga dapat membantu warga fakulti berkaitan dengan proses-proses penyelidikan dan penulisan manuskrip dari segi sokongan teknikal.

SENARAI BUKTI :

1. [F0040_O01_OB05_20221_JD RESEARCH COORDINATOR \(SITI AMYLESZA\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Fakulti Perubatan sentiasa komited dalam usaha memastikan keperluan pelanggan dan pihak yang berkepentingan. Dalam usaha penambahbaikan, pemantapan dan inovasi Bidang Tumpuan, Fakulti Perubatan UiTM yakin bahawa pelanggan memainkan peranan yang sangat dominan berdasarkan Ekosistem Bidang Tumpuan. Pemegang taruh Fakulti Perubatan adalah terdiri daripada para staf, pelajar dan pihak luar.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan bagi bidang tumpuan ialah Staf yang terdiri daripada doktor-doktor dan pelajar pascasiswazah. Kesemua pelajar ini mempunyai kurikulum yang berbeza. Fakulti Perubatan telah menyediakan platform Webinar Biostatik yang komprehensif bagi doktor dan pelajar perubatan. Webinar ini diadakan secara berkala supaya dapat membantu doktor dan pelajar dalam menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti. Fakulti juga sentiasa menambahbaik program Webinar Biostatik melalui penubuhan konsultasi secara perseorangan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0040_HB02_20221_FPR_HASIL TAHAP PENCAPAIAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0040_HB03_20222_FPR_HASIL TREND PENCAPAIAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0040_HB04_20223_FPR_HASIL BENCHMARK STRATEGI.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0040_HB05_20224_FPR_HASIL KEPENTINGAN HASIL STRATEGI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil dari Perancangan Strategik - Fakulti Perubatan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti perubatan memberi tumpuan serius secara berterusan dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan & pengkomersilan terutama sekali penglibatan staf akademik. Perkara ini diterapkan dalam pelan perancangan strategic, penggunaan carta alir/proses kerja jabatan sebagai mekanisme untuk mendapatkan tahap kepuasan pelanggan, perancangan sumber manusia dan prestasi kewangan sekaligus bagi melaksanakan serta membudayakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan warga fakulti perubatan. Hasil pencapaian dari bidang penyelidikan dan penerbitan bagi tahun 2021 amat memberangsangkan dan memberi impak positif merangkumi prestasi, kualiti serta pengiktirafan yang diterima dari pelanggan dan pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0040_HB02_20221_Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0040_HB03_20222_Trend.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0040_HB04_20223_Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0040_HB05_20224_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Fakulti Perubatan (FPR) merupakan Pengurusan yang sentiasa memberi tumpuan utama kepada sumber manusia. Ia sentiasa memastikan agar setiap program berkaitan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan berada pada tahap yang cemerlang dan memuaskan selaras dengan perancangan strategik yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi. Adalah penting bagi fakulti melabur di dalam sumber manusia bagi mencapai pelan strategik fakulti.

Selain dari pengetahuan, pensyarah juga perlu meningkatkan kemahiran dan sentiasa mengemaskini pengetahuan mereka. Bagi tujuan ini, fakulti menyokong permohonan pensyarah untuk mengikuti sebarang latihan, bengkel, persidangan dan sebagainya. Pensyarah fakulti juga turut mendapat pelbagai jemputan seperti menjadi penceramah, pemeriksa peperiksaan, pensyarah jemputan dan sebagainya. Pensyarah juga turut berkongsi ilmu pengetahuan melalui media seperti penulisan artikel di suratkhbar, majalah dan kemunculan di televisyen. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pensyarah menjadi lebih baik serta dapat meningkatkan imej fakulti UiTM itu sendiri kepada mata dunia.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0040_HB02_20221_7.3.2 TAHAP PENCAPAIAN HASIL.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0040_HB03_20222_7.3.3 TREN \(TREND\).pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0040_HB04_20223_7.3.4 PERBANDINGAN. TANDA ARAS \(Comparison.Benchmark\).pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0040_HB05_20224_7.3.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)